

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**INISIATIF TANGGUNGJAWAB  
SOSIAL KORPORAT (CSR)  
BERASASKAN AKAD QARD  
AL-HASAN DALAM INSTITUSI  
PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA**

**NORAJILA BINTI CHE MAN**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Ogos 2023**

## ABSTRAK

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan sektor perniagaan dan korporat di seluruh dunia. Institusi Perbankan Islam (IPI) sebagai salah satu entiti korporat Islam turut melaksanakan CSR dalam operasi perniagaan mereka. Namun begitu, aktiviti CSR yang dilaksanakan oleh IPI bersifat *ad-hoc* tanpa perancangan jangka panjang dan berbeza dengan objektif yang digariskan oleh ekonomi Islam. Selain itu, ketiadaan rangka kerja CSR yang komprehensif menyebabkan pelaksanaan CSR di bank-bank Islam di Malaysia tidak seimbang dan progresif. IPI di Malaysia boleh mencapai matlamat kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi dengan mengintegrasikan konsep *Qard al-Hasan* sebagai inisiatif CSR. *Qard al-Hasan* merupakan salah satu instrumen kebajikan yang amat digalakkan dalam Islam bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis pelaksanaan CSR oleh IPI di Malaysia dan menilai kebolehgunaan prinsip *Qard al-Hasan* dalam pembentukan CSR oleh IPI. Kajian ini mengadaptasi kaedah kajian eksplorasi melalui kaedah temu bual dan analisis kandungan kajian terdahulu bagi memahami konsep i-CSR dan *Qard al-Hasan*. Kaedah temu bual dilakukan terhadap informan yang berautoriti dalam membincangkan konsep CSR dan *Qard al-Hasan*. Seramai enam orang informan telah ditemu bual untuk kajian ini yang terdiri daripada empat orang ahli akademik dan dua orang pengamal industri perbankan Islam. Perisian Atlas.ti versi 8 digunakan untuk menganalisis transkrip temu bual, membina tema dan sub tema, serta membentuk kategori dan sub kategori untuk kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan CSR menjadi agenda IPI dalam meningkatkan kebajikan sosioekonomi masyarakat dan bukti keprihatinan bank terhadap keperluan masyarakat semasa. Kajian ini juga menunjukkan prinsip *Qard al-Hasan* sesuai untuk diintegrasikan ke dalam pelaksanaan CSR oleh IPI bagi membentuk konsep i-CSR yang boleh digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia. Akad *tabarru' Qard al-Hasan* boleh diaplikasikan dalam menawarkan pembiayaan mikro kepada pemegang taruh di bawah inisiatif i-CSR bank. Penerima dana tetap perlu membayar balik jumlah pinjaman yang diterima kerana asas akad *Qard al-Hasan* adalah pinjaman (hutang). Jadi setiap hutang perlu dibayar balik bagi memastikan kelestarian akaun khas *Qard al-Hasan* sentiasa berterusan untuk kegunaan individu lain yang memerlukan.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penulis dapat menyiapkan tesis ini dalam masa yang ditetapkan walaupun berdepan dengan pelbagai masalah dan rintangan. Selawat dan salam untuk Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat, tabi'in dan umat Islam seluruhnya. Seinfiniti penghargaan dirakamkan buat penyelia utama, Dr Mohd Faizal bin P. Rameli yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, panduan, dorongan dan nasihat kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini. Tanpa tunjuk ajar dari beliau sukar bagi penulis menyiapkan disertasi ini dengan baik. Jutaan penghargaan juga dititipkan untuk para penyelia bersama iaitu Prof Madya Dr Wan Noor Hazlina binti Wan Jusoh dan Prof Madya Dr Najahuddin bin Lateh yang sentiasa memberikan dorongan, semangat, tunjuk ajar, panduan dan idea-idea bernas kepada penulis untuk terus menyiapkan tesis ini.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada Abah dan Mak yang telah menjaga dan membesarkan penulis dan memberikan kasih sayang serta didikan yang secukupnya kepada penulis. Jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu dibalas dengan wang ringgit. Hanya Allah yang dapat membalas jasa abah dan mak. Tidak lupa juga buat adik-adik tersayang, Nor Akmaliah, Nor Azlan, Muhammad Nor Azrin, Nur Ismail dan Nur Asyikin yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis dan sentiasa berada di sisi ketika senang mahupun susah. Persaudaraan kita tidak akan terputus walau zaman bertukar dan masa berganti. Tidak dilupakan juga pada insan yang selalu menyokong penulis walaupun berada jauh merentasi lautan.

Tidak lupa juga kepada semua rakan sejawat khususnya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka umumnya. Terima kasih di atas tunjuk ajar, kerjasama, bimbingan dan kritikan kalian terhadap penulis sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda semua.

*Jazakumullahu khairan kathira.*

# ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Masalah Kajian	3
1.3 Soalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Pengertian Tajuk	10
1.6.1 Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	10
1.6.2 Qard al-Hasan	12
1.7 Kesimpulan	13
<b>BAB 2 TEORI DAN KONSEP TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DALAM PERBANKAN ISLAM</b>	<b>15</b>
2.1 Pengenalan	15
2.2 Sistem Kewangan Islam di Malaysia	16
2.2.2 Sejarah Sistem Kewangan dan Perbankan Islam	19
2.2.2.1 Dunia	21
2.2.2.2 Malaysia	23
2.2.3 Struktur Sistem Kewangan di Malaysia	25

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Institusi Perbankan Islam (IPI) sebagai sebuah institusi korporat ditubuhkan dengan matlamat untuk membantu mencapai objektif sosioekonomi masyarakat Islam dan beroperasi berlandaskan Syariah Islam. Prinsip ini menghendaki IPI yang ditubuhkan untuk mencapai objektif sosioekonomi masyarakat Islam dalam masa yang sama tidak melanggar kehendak Syariah. Sesuai dengan matlamat tersebut, bank-bank Islam di Malaysia perlu memainkan peranan sosial masing-masing bagi meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi dan menguatkan ikatan kerjasama dan persaudaraan dalam kalangan umat Islam.

Perkembangan IPI tidak hanya dinilai berdasarkan kemajuan dan keuntungan perniagaan semata-mata. Terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan tersebut, merangkumi imej dan tadbir urus yang baik di samping sokongan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pengguna, pekerja, pemilik modal, kumpulan bukan pengguna serta masyarakat umum yang banyak membantu dalam meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah institusi korporat. Oleh itu IPI perlu menjalankan operasi perniagaan sesuai dengan kehendak pemegang taruhnya iaitu mendapatkan keuntungan dan menyumbang kembali kepada pemegang taruh. Kedua-dua matlamat ini secara umumnya boleh dicapai melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh bank Islam.

Bank Islam seluruh dunia secara umumnya telah terlibat dalam program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai salah satu cara melaksanakan tanggungjawab sosial kepada para pemegang taruh. Pelaksanaan CSR di Malaysia adalah selaras dengan Dasar Sosial Negara yang telah diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003. CSR merupakan komitmen bank termasuk bank Islam sebagai sektor korporat dalam menyumbang terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat. Konsep CSR berkait rapat dengan kaedah pelaksanaan operasi perniagaan yang beretika terhadap ekonomi, sosial, alam sekitar dan juga hak asasi manusia.

IPI amat digalakkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti CSR semasa menjalankan operasi perniagaan mereka. Galakan ini bersesuaian dengan salah satu